

KASUS AMBALAT-REAKSI MEDIA INDONESIA: FRAMING DAN KOMUNIKASI ANTARABANGSA

Lai Che Ching @ Abd.Latif
&

Lee Kuok Tiung
Universiti Malaysia Sabah.

Abstrak

Makalah ini adalah satu usaha awal untuk menganalisa reaksi media terpilih dari Indonesia dalam kes perebutan Blok Ambalat Timur oleh Malaysia dan Indonesia di Laut Sulawesi. Isu ini menjadi hangat disebabkan oleh provokasi media Indonesia. Justeru, satu kajian awal menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif dan kuantitatif dilakukan untuk melihat usaha media Indonesia membentuk kandungan berita (framing). Dapatkan kajian mendapati liputan kes Ambalat oleh media Indonesia banyak mengguna pembingkaian tema berita diplomasi dan desakan untuk berperang. Hasil kajian juga menunjukkan kumpulan elit politik, kerajaan dan Tentera Nasional Indonesia antara sumber berita utama. Kajian mendapati bahawa media Indonesia membelakangkan kepentingan nasional dalam pelaporan berita antarabangsa membabitkan kepentingan Malaysia.

The Case of Ambalat—Reports by the Indonesian Media: Framing and International Communication

Abstract

This journal is a preliminary effort to analyse the reactions of selected Indonesian media on the struggle of Malaysia and Indonesia pertaining to the Ambalat case. The issue has been debated heavily due to continuous provocation by the Indonesian media. Hence, a content analysis study, both qualitative and quantitative is undertaken to study further the process of news framing by Indonesian media on the Ambalat case. Findings from the study showed that the Indonesian media tend to use diplomatic and war frames when discussing the issue. Political elite groups, the government and Indonesian National Army are the main sources of news used. The findings also indicate that the selected Indonesian media tend to put aside their own national interest in covering international news that involved Malaysian interest.

Keywords: *Framing, news selection, news themes, news sources, patriotism*

Pengenalan

Tuntutan bertindih ke atas Pulau Sipadan dan Ligitan oleh Malaysia dan Indonesia berlangsung selama puluhan tahun yang akhirnya terpaksa dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa

(ICJ) di Den Haag. Dalam perbicaraan tersebut, Ketua Hakim Gilbert Guillaume mengumumkan keputusan 16 daripada 17 anggota majlis hakim telah memberikan hak pulau tersebut kepada Malaysia. Pada 16 Februari 2005, syarikat petroleum nasional, PETRONAS telah menandatangani perjanjian penerokaan blok Ambalat Timur di Laut Sulawesi dengan syarikat SHELL. Tindakan ini telah mendapat bantahan dari pihak Indonesia. Negara jiran tersebut mendakwa bahawa kawasan yang ingin diteroka oleh PETRONAS dan SHELL tersebut sebenarnya berada dalam kawasan perairan Indonesia. Tuntutan bertindih ke atas kawasan yang kaya minyak ini telah menyingkap semula tirai tuntutan ke atas Sipadan dan Ligitan.

Pernyataan Masalah

Ternyata, sejarah yang berulang ini mengundang rasa tidak puas hati dikalangan rakyat Indonesia. Walau bagaimanapun, menurut Menteri Luar Malaysia, Datuk Seri Syed Hamid Albar, punca sebenar yang mendorong rasa tidak puas hati tersebut ialah peranan yang dimainkan oleh Media Indonesia.

“ Media Indonesia telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan rasa kurang senang (rakyat negara itu) dan saya rasa ini bukan sesuatu yang menguntungkan dan boleh menyelesaikan masalah”
(Syed Hamid Albar, *Utusan Malaysia*, 09 Mac 2005).

Persoalannya ialah, sejauhmanakah dan dalam bentuk apakah media Indonesia memainkan peranan dalam membangkitkan semangat/perasaan tidak puas hati dikalangan rakyatnya sehingga mereka sanggup melakukan tindakan membakar Jalur Gemilang dalam satu tunjuk perasaan di hadapan Pejabat Kedutaan Malaysia.

Dalam konteks kajian media perkara ini akan dilihat sebagai, sejauhmanakah media Indonesia membentuk (framing) isu Ambalat ini, sehingga wujudnya perasaan tidak puas hati tersebut.

Bagi menjawab persoalan tersebut di atas maka analisis yang bakal dilakukan ini disasarkan kepada 3 persoalan kajian, iaitu;

1. Mengenalpasti tema berita yang disiarkan oleh Media Indonesia berhubung kes Ambalat.
2. Mengenalpasti sumber rujukan dalam penulisan berita tersebut
3. Mengenalpasti jenis dan media mana yang paling kerap melaporkan tentang kes Ambalat ini.

Tinjauan Lepas

Pemilihan Pelaporan Berita Antarabangsa (Framing) dan Faktornya.

Tuchman (1978) menyatakan bahawa media massa secara aktifnya terlibat dalam framing sesuatu berita untuk dijadikan sebagai rujukan oleh masyarakat dalam melihat sesuatu peristiwa. Oleh sebab itulah secara umumnya perbincangan dalam pelaporan berita antarabangsa banyak merujuk kepada isu ‘framing the news’ oleh media sesebuah negara terhadap sesuatu isu. Para pengkaji dalam bidang ini mendapati terdapat beberapa faktor yang mendorong proses *framing* sesuatu berita itu.

Shoemaker dan Reese (1996) meringkaskan antara lain faktor yang mempengaruhi pembentukan kandungan sesebuah media ialah ideologi sesebuah negara, faktor dalam organisasi media dan juga pekerja media itu sendiri. Dalam pada itu, Scheufle (1999) pula mencadangkan sekurang-kurangnya ada lima faktor yang berpotensi dalam mempengaruhi jurnalis dalam pembentukan (framing) kandungan berita: (1) norma dan nilai sosial, (2) halangan dan tekanan di tempat kerja, (3) tekanan kumpulan-kumpulan berkepentingan, (4) rutin kerja wartawan dan juga (5) orientasi ideologi atau politik seseorang wartawan.

Walau bagaimanapun, Edelman (1993) memberikan penekanan yang lebih berbeza. Beliau menyatakan bahawa ‘penulisan kandungan berita lebih didorong oleh ideologi dan prejudis seseorang wartawan berbanding analisis yang mendalam atau usaha untuk menyelesaikan masalah.

Ketiga-tiga pandangan tersebut di atas lebih menjurus kepada faktor disebalik pembentukan kandungan berita tanpa mengambil kira konteks penulisan berita tersebut. Konteks dalam maksud ini ialah samada berita tersebut ditulis untuk konteks lokal, kebangsaan ataupun antarabangsa.

Dalam pembentukan berita diperangkat antarabangsa, Yang (2003) menjelaskan bahawa faktor disebaliknya lebih banyak didorong oleh kepentingan kebangsaan (national interest), walaupun beliau mengakui bahawa dalam sesetengah aspek, ideologi dan kepentingan kebangsaan saling berkongsi maksud yang sama, tetapi dalam keadaan khusus – pembentukan berita-, kepentingan kebangsaan adalah berbeza dengan ideologi. Hujah Yang (2003):

“while ideology concerns a person’s, an organization’s or a nation’s value or belief system, national interest is more closely related to a nation’s standing in dealing with international affairs” (hlm.233).

Nye (1999:25) pula mendefinisikan kepentingan kebangsaan sebagai satu set perkongsian keutamaan berkenaan hubungan dengan negara-negara lain didunia ini. Definisi tersebut dan hujahan oleh Yang (2003) mengarah kepada hubungan yang erat antara kepentingan kebangsaan dan dasar luar sesebuah negara. Oleh yang demikian, dasar luar sesebuah negara biasanya akan dijadikan sebagai panduan dalam penulisan kandungan berita (Dickson et al., 1995; Kim, 2000; Chang, 1989), kepentingan kebangsaan sebagai sumber utama dalam penentuan dasar luar seharusnya memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pelaporan berita antarabangsa (Lee dan Yang, 1995).

Kajian-kajian yang dijalankan oleh Rachlin (1988) menyimpulkan bahawa apa juah yang berlaku dalam dunia hari ini berpunca dari perspektif kepentingan kebangsaan sesebuah negara. Tenney (1992) mendapatkan bahawa apabila media Amerika melabelkan demonstrasi yang berlaku di Dataran Tiananmen adalah gerakan pro-demokrasi, terminologi ini adalah sama dengan nilai dan kepentingan kebangsaan Amerika Syarikat.

Dalam satu kajian yang lebih awal oleh Henry (1981) menjelaskan bahawa jurnalisme adalah patriotisme dan wartawan akan menjadi seorang nasionalis bila mana wujudnya krisis dalam

hubungan antarabangsa sesebuah negara. Oleh yang demikian dalam proses mereka untuk menghasilkan berita antarabangsa, jurnalis cenderung untuk memilih, membuat keutamaan dan menstrukturkan aliran sesuatu peristiwa dengan mengambil kira kepentingan negaranya.

Justeru dalam kajian ini nanti akan dapat dibincangkan serba sedikit andaian disebalik tindakan media indonesia mensensasikan kes perebutan Blok Ambalat Timur antara Malaysia dan Indonesia, sejauhmanakah kepentingan kebangsaan negara Indonesia dijadikan sebagai asas dalam pelaporan berita-berita sekitar Ambalat.

Sistem Media Massa di Indonesia

Perbincangan tentang sistem media massa di Indonesia perlu disentuh sebagai maklumat latar belakang dalam perbincangan ini. Buat masa ini terdapat lebih kurang 20,000 jurnalis di Indonesia, walau bagaimanapun hanya terdapat 2,000 orang yang menjadi ahli dalam Persatuan Wartawan Indonesia (PWI). Secara umumnya, jurnalis yang bukan ahli PWI dilihat kurang beretika dari segi tingkahlaku dan tidak begitu memahami aspirasi negara (Elizabeth Goenawan, 2003).

Berdasarkan kepada Kod Etika Jurnalis Indonesia, fungsi utama media indonesia ialah untuk menyebarkan maklumat, mendidik, menghibur dan membantu dalam mencapai kawalan sosial. Perkembangan media Indonesia dikatakan mengalami perubahan yang agak dahsyat sejak dekad yang lepas berikutan pelaksanaan dasar langit terbuka, kemasukan pemodal-pemodal asing, peningkatan dan desakan terhadap ketulusan dan perlindungan hak asasi manusia.

Pada hari ini, Indonesia mempunyai lebih kurang 2,000 media cetak dan 11 stesen TV dan lebih kurang 12,000 stesen radio yang kebanyakannya dikuasai oleh sektor swasta.

Perkembangan Media dalam talian (online media) di Indonesia boleh ditandakan dengan kemunculan *INDONET* pada tahun 1994. Ada dua pendapat tentang perkembangan ini yang boleh diambil perhatian. Pendapat pertama ialah untuk mengikuti dan memanfaatkan perkembangan teknologi maklumat.

Pendapat kedua pula lebih radikal sifatnya. Keputusan untuk menyertai dunia internet oleh akhbar-akhbar di Indonesia lebih didorong oleh dasar 'censorship' kerajaan Indonesia (Che Mahzan Ahmad, ms.23, 2003).

Metod Kajian

Bagi menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan di atas maka, kaedah penyelidikan analisis kandungan kuantitatif dan kualitatif akan digunakan. Kaedah analisis kandungan merupakan mekanisme yang paling sesuai dalam mengkaji kandungan media.

Analisis akan dibahagikan kepada 2 bahagian utama. Bahagian pertama ialah analisis kandungan kualitatif dan diikuti dengan analisis kandungan kuantitatif.

Analisis Kandungan Kualitatif

Dalam peringkat ini, artikel yang dipilih akan dianalisis dan dipisahkan mengikut tarikh, jenis media, tajuk berita (headline), sumber berita (sources) dan kandungan berita (content). Dalam

amalan penulisan berita, konsep piramid terbalik merupakan konsep yang terpakai. Konsep ini menerangkan tentang teknik penulisan berita iaitu menjadikan perenggan pertama sebagai isi utama berita tersebut, kerana perkara-perkara seperti siapa (who), bila (when), di mana (where), kenapa (why) dan bagaimana (how) akan cuba dimuatkan dalam perenggan pertama.

Oleh yang demikian, dalam konteks kajian ini, hanya perenggan pertama dalam setiap berita akan diambil untuk dianalisis. Perkara yang akan diberikan perhatian dalam analisis ini ialah isi berita tersebut. Isi kandungan berita tersebut akan diberikan tema-tema tertentu. Dalam kaedah analisis kandungan, teknik seumpama ini dipanggil sebagai *thematic analysis*, ianya digunakan sebagai satu cara untuk mendapatkan tema-tema dalam mesej yang pelbagai.

Analisis Kandungan Kuantitatif

Dalam peringkat ini, artikel akan dianalisis berdasarkan jenis media, tajuk berita, sumber berita dan juga tema-tema kandungan berita. Proses ini dilakukan bagi mempermudahkan proses memasukkan data dalam SPSS.

Media Indonesia

Perlu juga ditekankan di sini bahawa istilah ‘media Indonesia’ yang digunakan merujuk kepada media interaktif / ‘on-line media’. Pemilihan media dalam talian ini disandarkan kepada dua sebab yang utama. Pertama, dari aspek ‘kebolehdapatan’ (accessibility) berita-berita tentang kes ambalat dari perspektif Indonesia. Kedua, ‘on-line media’ selalunya dilihat sebagai pembawa pandangan alternatif kepada media-media arus perdana dan sesetengahnya ditanggapi sebagai lebih berwibawa berbanding media arus perdana.

Bagi tujuan kajian ini, berita atau artikel yang mengandungi berita tentang pertikaian ambalat akan dijadikan sebagai bahan kajian. Tempoh yang diambil kira bermula 27 Februari – 23 Mac 2005. Tempoh masa ini dipilih kerana ianya merupakan tempoh bermula dan kemuncak kepada kes Ambalat sehingga kepada perbincangan untuk menyelesaikan sengketa ini antara kedua-dua negara.

Dapatan Kajian

Jadual 1: Media Indonesia yang melaporkan kes Ambalat

Media	Kekerapan	Peratusan
1. Tempo Interaktif	28	13.8
2. Media Indo	67	33.0
3. Sinar Harapan	1	0.5
4. Antara	24	11.8
5. Embassy of Indon	2	1.0
6. Detik.Com	2	1.0
7. Dephan	17	8.4
8. Liputan6	20	9.9
9. Kompas	10	4.9
10. TVRI	5	2.5
11. Partai Golkar	2	1.0
12. The Jakarta Post	5	3
13. Republika	17	8.4

14. Fajar	1	0.5
Jumlah	201	100

Dalam tempoh kajian sejumlah 14 portal Media Indonesia didapati memuatkan berita tentang kes Ambalat. Daripada jumlah tersebut, Media Indo dilihat lebih banyak memuatkan berita tentang kes ambalat ini (33.0%) diikuti oleh Tempo Interaktif (13.8%) dan Antara (11.8%). Jadual 1 di atas menunjukkan pecahan tersebut.

1. *Jenis & Tema Berita yang disiarkan.*

Dalam analisis kualitatif (*Thematic Analysis*) terdapat sembilan (9) tema berita yang dilaporkan sepanjang tempoh kajian. Tema-tema berita tersebut ialah;

1. Perniagaan – dalam tema ini, isi kandungan berita lebih banyak menceritakan tentang usaha-usaha carigali minyak oleh syarikat-syarikat petroleum, kerjasama dalam bidang perniagaan yang dijalankan dan juga hal-ehwal pelaburan.
2. Balas dendam / rasa marah – Berita dalam tema ini menceritakan tentang rasa marah dan balas dendam oleh rakyat Indonesia dalam 2 perkara iaitu, soal pengurusan Tenaga Kerja Indonesia oleh kerajaan Malaysia dan juga kekecewaan kerana kalah di mahkamah antarabangsa dalam perebutan Pulau Sipadan dan Ligitan.
3. Diplomasi cara terbaik – Tema ini merangkumi berita-berita yang melihat bahawa rundingan / diplomasi merupakan kaedah yang paling sesuai menyelesaikan sengketa sekaligus menghalang usaha-usaha pihak ketiga merosakkan hubungan baik dua negara Islam ini. Termasuk juga dalam tema ini ialah permintaan terhadap pihak tentera kedua-dua negara untuk tidak bertindak sesuka hati sehingga mencetuskan perperangan.
4. Desakan dan sedia untuk berperang – berita-berita dalam tema ini lebih berani dan agak panas sifatnya. Antara berita-berita nya ialah mendesak kerajaan untuk memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia, sekaligus melancarkan perang sebagai melindungi kedaulatan wilayah Indonesia. Berita-berita tentang tunjuk perasaan oleh rakyat Indonesia juga dimasukkan dalam tema ini termasuklah berita membakar jalur gemilang.
5. Ketenteraan – berita dalam tema ini berkisar tentang hal-ehwal / aktiviti ketenteraan kedua-dua negara. Berita seperti dakwaan pencerobohan pesawat tentera Malaysia di ruang udara Indonesia, penghantaran kapal-kapal perang Indonesia dan peningkatan persenjataan di kawasan konflik.
6. Politik Dalaman – tema ini merujuk kepada berita-berita yang membincangkan tentang persoalan-persoalan pembangunan wilayah yang tidak seimbang, keperluan mengukuhkan soal persempadanan negara dan keperluan peningkatan persenjataan negara untuk melindungi kedaulatan Indonesia.
7. Hal-ehwal Presiden Indonesia – tema ini merujuk kepada lawatan-lawatan presiden Indonesia ke Kawasan konflik dan juga kawasan sekitarnya seperti Kalimantan. Berita dalam tema ini sekadar menghabarkan pergerakan presiden Indonesia.
8. Perasaan rakyat Malaysia di Indonesia – tema ini merujuk kepada berita yang memuatkan perasaan dan pandangan rakyat Malaysia di Indonesia.

9. Pendirian Malaysia – tema ini merujuk kepada pendirian kerajaan Malaysia dan juga sektor korporat Malaysia bahawa konflik Ambalat ini sebenarnya mampu diselesaikan dengan cara diplomasi, tidak perlu guna kekerasan.

Jadual 2: Tema Berita yang dilaporkan

Tema Berita	Kekerapan	Peratusan
1. Perniagaan	10	4.9
2. Balas Dendam / Marah	7	3.4
3. Diplomasi	67	33.0
4. Desakan / Sedia Berperang	59	29.1
5. Aktiviti Ketenteraan	24	11.8
6. Politik Dalaman	16	7.9
7. Lawatan Presiden	8	3.9
8. Perasaan Rakyat Malaysia	4	2.0
9. Pendirian Kerajaan Malaysia	6	3.4
JUMLAH	201	100

Hasil kajian mendapat bahawa terdapat sebanyak 9 kategori berita ataupun tema berita yang disiarkan oleh media Indonesia berkaitan dengan kes ambalat ini. Jadual 2 di atas jelas menunjukkan pecahan tersebut. 33% daripada keseluruhan berita yang di analisis mengandungi tema diplomasi, mengatasi tema berita yang mendesak dan bersedia untuk berperang yang sekadar mencatatkan 29.1%.

Walau bagaimanapun, tema aktiviti ketenteraan juga sebenarnya menyokong tema ‘desakan/sedia berperang’. Oleh yang demikian dalam kesimpulan lain, bolehlah dikatakan bahawa tema berita yang mendorong untuk melakukan perang (40.9%) mendominasi ruangan berita media Indonesia.

Jadual 3 & 3a yang berikut ini akan menjelaskan pula hubungan antara Media Indonesia dan jenis berita yang disiarkan. Analisis ini bertujuan untuk melihat dengan lebih terperinci media Indonesia yang mana paling kerap mengeluarkan jenis /tema berita yang bagaimana.

Jadual 3: Hubungan Jenis Media dan Jenis / Tema Berita.

Jenis Media	Jenis Berita				
	Perniagaan	Balas Dendam	Diplomasi	Desakan berperang	Ketenteraan
TempoInteraktif	2	3	7	12	0
Media Indo	1	1	20	28	10
Sinar Harapan	1	0	0	0	0
Antara	3	1	8	6	1
EmbassyofIndon	0	0	2	0	0
Detik	0	0	0	0	1
Dephan	0	0	7	3	4
Liputan6	1	1	6	2	4
Kompas	0	1	2	2	4
TVRI	0	0	2	2	0
PartaiGolkar	0	0	0	2	0
The Jakarta Post	0	0	3	0	0

Republika	2	0	8	1	0
Fajar	0	0	0	1	0
Jumlah	10	7	67	59	24

Jadual 3a: Hubungan Jenis Media dan Jenis / Tema Berita

Jenis Media	Jenis Berita				
	Politik Dalaman	Lawatan Presiden	Rakyat Malaysia	Pendirian Malaysia	
TempoInteraktif	2	0	2	0	
Media Indo	4	2	1	0	
Sinar Harapan	0	0	0	0	
Antara	2	2	1	0	
EmbassyofIndon	0	0	0	0	
Detik	0	0	0	1	
Dephan	1	2	0	0	
Liputan6	3	0	0	3	
Kompas	0	1	0	0	
TVRI	0	1	0	0	
PartaiGolkar	0	0	0	0	
The Jakarta Post	0	0	0	2	
Republika	4	0	0	1	
Fajar	0	0	0	0	
Jumlah	16	8	4	7	

Daripada 2 jadual tersebut diatas, dapat dibuat beberapa tafsiran yang wajar untuk dipertimbangkan. Pertama, terdapat 2 media yang dilihat agak kerap memuatkan tema berita ketenteraan dan juga desakan untuk berperang, media tersebut ialah Media Indo dan TempoInteraktif. Golongan media yang kedua dilihat lebih bernada diplomasi dalam pemilihan beritanya. Media yang termasuk dalam golongan kedua ini ialah *Antara*, *The Jakarta Post* dan *Republika*.

Adalah tidak keterlaluan untuk mengatakan, pada peringkat ini (dengan hanya melihat kepada bilangan berita, tanpa perlu mempertimbangkan faktor lain seperti kedudukan berita tersebut) bahawa tidak semua Media Indonesia cenderung untuk membangkitkan rasa tidak senang di kalangan rakyatnya tentang konflik di Blok Ambalat Timur.

2. Sumber Rujukan Berita

Persoalan kajian seterusnya merujuk kepada sumber yang dipetik dalam satu-satu berita. Secara umumnya terdapat 7 sumber berita yang dipetik oleh Media Indonesia dalam tempoh kajian ini. Sumber-sumber tersebut ialah;

1. Jabatan & Jurucakap Kerajaan. – Sumber berita dalam kategori ini merujuk kepada berita yang memetik Pegawai atau jurucakap kerajaan. Sumber ini biasanya sekadar memaklumkan kepada media tentang pendirian atau aktiviti pihak kerajaan berhubung satu-satu isu atau perkara.

2. Ahli Pemerintah / Menteri – Kategori ini merujuk kepada wakil daripada kerajaan (bukan pegawai), biasanya mereka yang berpangkat Menteri, Timbalan Presiden dan juga Presiden.
3. Elit Politik – merujuk kepada golongan pendesak (pemimpin pendapat?), terdiri daripada gabenor wilayah, wakil-wakil parti politik, wakil-wakil gerakan pelajar dan juga wakil-wakil pertubuhan-pertubuhan yang diwujudkan untuk menentang Malaysia.
4. Kerajaan Malaysia – Merujuk kepada berita yang memetik sumber dari Kerajaan Malaysia samada pegawai kerajaan (kedutaan), menteri dan juga Perdana Menteri.
5. Rakyat / Korporat Malaysia – Merujuk kepada berita yang memetik sumber dari rakyat Malaysia (pekerja / pelajar di Indonesia) dan juga sumber dari pihak korporat Malaysia.
6. Tentera Nasional Indonesia – Merujuk kepada berita yang memetik sumber dari Tentera Indonesia, samada Laut, Udara dan Darat. Sumber ini merangkumi samada Pemerintah Tertinggi Tentera Indonesia mahupun pemerintah tentera wilayah.
7. Ahli Akademik, Ulama dan Penganalisis – Sumber ini terdiri daripada ahli akademik, golongan ulama (tidak disebut sebagai ahli parti Nahdatul-Ulama, atau mana-mana parti Islam yang lain) dan juga Panganalisis Politik.

Daripada ketujuh-tujuh sumber berita yang tersebut di atas, didapati bahawa ‘Elit Politik’ (31.5%) dan juga ‘Tentera Nasional Indonesia’ (25.6%) merupakan sumber berita yang paling kerap dipetik oleh media Indonesia. Sumber dari kerajaan (Jurucakap kerajaan & Ahli Pemerintah) hanya dijadikan sebagai sumber berita sebanyak 11.3% dan 14.3% masing-masing. Jadual 4 di bawah ini menjelaskan tentang pecahan tersebut.

Jadual 4: Sumber berita yang dipetik oleh Media Indonesia

Sumber Berita	Kekerapan	Peratusan
1. Jabatan Kerajaan / Jurucakap Kerajaan	23	11.3
2. Ahli Pemerintah / Menteri	29	14.3
3. Elit Politik	64	31.5
4. Kerajaan Malaysia	10	5.9
5. Rakyat / Korporat Malaysia	4	2.0
6. Tentera Nasional Indonesia	52	25.6
7. Ahli Akademik / Ulama/ Panganalisis	18	8.9
JUMLAH	201	100

Analisis seterusnya pula akan melihat kepada hubungan antara sumber berita dan tema berita yang dimuatkan dalam Media Indonesia. Analisis ini sekaligus memperlihatkan dengan lebih mendalam tentang siapa yang berkata apa dan dijadikan sebagai berita.

Jadual 4: Hubungan Jenis / Tema Berita dan Sumber Berita.

Tema Berita	Sumber Berita			
	Jabatan Kerajaan	Pemerintah	Elit Politik	Kerajaan Malaysia
Perniagaan	2	1	3	1
Balas Dendam	0	1	4	0

Diplomasi	14	20	6	3
Desakan berperang	0	0	44	1
Ketenteraan	2	0	0	0
Politik Dalaman	0	3	7	0
Lawatan Presiden	5	2	0	0
Rakyat Malaysia	0	0	0	1
Pendirian Malaysia	0	1	0	6
Jumlah	23	28	64	12

Jadual 4a: Hubungan Jenis / Tema Berita dan Sumber Berita

Tema Berita	Sumber Berita		
	Rakyat Malaysia	Tentera Nasional Indonesia	Ahli Akademik
Perniagaan	1	0	2
Balas Dendam	1	0	0
Diplomasi	0	13	11
Desakan berperang	0	12	2
Ketenteraan	0	22	0
Politik Dalaman	0	3	3
Lawatan Presiden	0	1	0
Rakyat Malaysia	2	1	0
Pendirian Malaysia	0	0	0
Jumlah	4	52	18

Daripada 2 jadual di atas, terdapat beberapa perkara penting yang boleh dihujahkan. Pertama, didapati bahawa berita-berita yang mengandungi tema yang agak keras dan panas iaitu ‘desakan untuk berperang’ dipetik dari kelompok elit politik. Kesimpulan kedua ialah, terdapat dua sumber berita utama yang dipetik oleh Media Indonesia. Kumpulan pertama ialah kumpulan yang banyak bercakap tentang diplomasi, kumpulan ini diwakili oleh golongan kerajaan (Jabatan Kerajaan & Pemerintah) dan juga kumpulan Ahli Akademik, Ulama dan Penganalisa. Kumpulan kedua ialah kumpulan yang mendesak untuk memutuskan hubungan diplomatik dan mendesak untuk berperang.

Perbincangan

Tanggungjawab Media dan Hubungan Antarabangsa.

Terdapat beberapa perkara yang boleh direnungkan dan dipertimbangkan untuk perbincangan yang lebih mendalam lagi berhubung reaksi media indonesia ini. Perkara pertama ialah menyentuh tentang persoalan tanggungjawab media. Telah menjadi semacam satu norma yang diterima bahawa ‘media itu harus bebas dan disertai dengan tanggungjawab’ dalam melaporkan apa dan bagaimana yang mereka inginkan.

Media di Indonesia dikatakan mengalami beberapa proses perubahan. Dalam tahun-tahun 1950-an, media di Indonesia menikmati ‘kebebasan yang munasabah’ dalam pelaporan mereka. Di awal-awal tahun 1960an, Persatuan Wartawan Indonesia (PWI) cuba mendapatkan kuasa politik, malah di antara tahun 1966 – 1969 wartawan Indonesia menikmati kebebasan editorial yang sepenuhnya. Walau bagaimanapun dari tahun 1970 sehingga 1996 media Indonesia diletakkan di bawah kawalan Kerajaan (Elizabeth Goenawam, 2004).

Walau bagaimanapun, Ishadi (2002) menyatakan bahawa selepas tahun 1996, media di Indonesia telah mengalami perubahan besar, idealisme kewartawanan memuncak yang dinamakan oleh

Ishadi (2002) sebagai revolusi kewartawanan. Dalam perubahan ini, media di Indonesia dilihat sebagai alat yang bertanggungjawab dalam menggalakkan perbincangan umum tentang isu-isu sosial dan juga sebagai medium untuk menyebarkan maklumat yang objektif dan neutral.

Persoalannya disini ialah, adakah idealisme kewartawanan tersebut ‘terpancar’ dalam pelaporan berita tentang perebutan kawasan kaya minyak antara Malaysia dan Indonesia?. Dalam konteks perbincangan ini, bolehlah kita mengandaikan sekiranya wujud keseimbangan dari segi sumber berita yang dipetik antara pihak kerajaan Indonesia dan masyarakatnya maka sememangnya media Indonesia telah melaksanakan tanggungjawabnya membuat pelaporan yang objektif dan seimbang. Malangnya dari analisis yang dilakukan, perkara ini tidak berlaku.

Keadaan seumpama inilah yang nantinya akan dijadikan sebagai alasan penolakan ataupun dalam erti kata lain impak negatif terhadap erti tanggungjawab media dalam sesebuah negara. Tidaklah keterlaluan kalau dikatakan bahawa dalam konteks perbincangan ini, media indonesia tidak memberikan pelaporan yang seimbang dari aspek memetik sumber berita, didapati bahawa media indonesia lebih banyak menumpukan kepada berita-berita yang bersumberkan pihak bukan kerajaan yang intipati beritanya berbaur nada kekerasan.

Implikasi daripada keadaan tersebut di atas membawa kepada ‘ketegangan’ hubungan antara dua negara berjiran yang dikatakan mempunyai banyak persamaan malah dikatakan sebagai negara yang bersaudara. Pemaparan berita tentang reaksi penduduk indonesia terhadap kes ambalat oleh media indonesia pada satu aspek boleh ditafsirkan sebagai memberi ruang kepada rakyatnya untuk turut menyuarakan pendapat.

Walau bagaimanapun ini tidak pula diseimbangkan dengan ‘suara kerajaan’ akibatnya gambaran yang diperolehi sepantas lalu ialah negara tersebut sedia untuk berperang dengan Malaysia.

Walhal dalam keadaan sebenar, kerajaan Indonesia mengambil pendekatan untuk membuat penyelesaian secara diplomatik tetapi kurang mendapat liputan media indonesia. Dalam hal ini satu perkara yang boleh direnungkan bersama-sama ialah persoalan memberikan tanggungjawab sepenuhnya kepada media massa dalam pelaporan mereka tanpa adanya mekanisme yang boleh mengawal kandungan editorialnya.

Dalam kes hubungan Malaysia –Indonesia bersabit blok Ambalat timur, tindakan kerajaan Indonesia memberikan kebebasan kepada media Indonesia dalam operasinya dengan harapan disertai dengan tanggungjawab bolehlah dianalogikan sebagai ‘kesan boomerang’ ataupun dalam nada yang lebih keras, memetik perumpaan melayu,- ibarat melepas anjing tersepit’.

Kebebasan yang diberikan terhadap media Indonesia ternyata dibalas tanpa tanggungjawab. Kecenderungan media Indonesia mensensasikan isu ini dengan memberikan lebih banyak ruang untuk berita-berita bernada keras berbanding pendirian kerajaan menjadikan isu ini sesuatu yang hangat. Akibatnya hubungan antara dua negara ini menjadi tegang.

Kepentingan Kebangsaan atau Ideologi Organisasi Media.

Dalam perbincangan ini kita akan cuba melihat samada proses framing berita oleh media indonesia berkisarkan kepada kepentingan kebangsaan ataupun lebih didorong oleh ideologi dan rasa prejudis media tersebut.

Dalam perbincangan di awal kertas kerja ini telahpun dibincangkan tentang definisi kepentingan kebangsaan (national interest). Definisi oleh Nye (1999), Lee dan Yang (1995) dan Yang (2003) tentang kepentingan kebangsaan (national interest) merujuk kepada pendirian kerajaan yang akan menentukan dasar luar sesebuah negara itu berhubung sesuatu isu. Perkara inilah yang mendorong jurnalis untuk menulis berita antarabangsa.

Dalam konteks kajian ini, agak jelas bahawa pendirian kerajaan Indonesia ialah untuk menyelesaikan pertikaian tersebut secara damai iaitu menggunakan saluran diplomasi.

Walau bagaimanapun didapati bahawa media Indonesia lebih cenderung memuatkan berita yang menjurus kepada tindakan yang lebih keras. Ini bermakna, kecenderungan sesetengah media indonesia dalam membentuk berita tidak selaras dengan kepentingan kerajaan/kebangsaan ataupun dalam erti kata lain, kepentingan kerajaan/kebangsaan bukanlah faktor utama yang mendorong media Indonesia dalam membentuk berita.

Justeru, adakah tindakan media indonesia yang tidak selari ini boleh dikatakan sebagai membelakangkan kepentingan kebangsaan? Jika ya, maka sudah pastilah ada faktor-faktor lain yang mendorong mereka dan ini memerlukan penelitian yang lebih detail lagi.

Dalam analisis yang lain, data dalam kajian ini bolehlah dikatakan ‘menolak’ dapatan kajian oleh Yang (2003) yang menyatakan bahawa faktor kepentingan kebangsaan sebagai faktor dominan dalam menentukan aliran pembentukan kandungan media sesebuah negara dalam perhubungan antarabangsa.

Satu persoalan yang wajar untuk dicatatkan di sini ialah tentang sejauhmanakah idealisme kebebasan media itu mendatangkan impak yang positif kepada masyarakat sesebuah negara khususnya dan dalam konteks yang lebih besar kepada hubungan antarabangsa?


Berhubung dengan media indonesia, semacam ada satu agenda lain disebalik usaha mensensasikan kes perebutan blok ambalat timur itu. Apakah agenda tersebut? Ini memerlukan penyelidikan yang lebih mendalam untuk menghuraikannya.

Strategi Media dan Perhubungan Awam untuk Kerajaan Malaysia

Daripada analisis yang dilakukan maka berikut ini merupakan beberapa strategi media dan perhubungan awam yang boleh diaplikasikan oleh kerajaan Malaysia berhubung kes ini. Pertama mengambil pendekatan meneruskan hubungan dengan pihak kerajaan Indonesia kerana kedua-dua kerajaan malangkan nada yang sama atas pentas konflik ambalat.

Kedua, tindakan menyelar / mengutuk media Indonesia bukanlah suatu pendekatan yang baik. Ini kerana dalam strategi perhubungan awam adakalanya sesuatu isu itu harus dijawab, adakalanya sekadar memberikan respon ringan dan langsung tidak memberikan respon. Oleh yang demikian memberikan respon kepada laporan-laporan media Indonesia terutamanya berita-berita yang berbaur keras akan menggalakkan lagi laporan-laporan sedemikian, ibarat menyimbah minyak ke

atas api yang sedang menyala. Ternyata tindakan yang diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk tidak ‘ambil pusing’ dengan karenah media Indonesia adalah berbaloi kerana akhirnya isu tersebut semakin menurun menjelang tarikh pertemuan wakil kerajaan Malaysia dan Indonesia. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam carta 1 di bawah ini.



Strategi ketiga yang boleh dipraktikkan oleh kerajaan Malaysia ialah dengan mendapatkan sokongan seramai mungkin golongan akademik, ulama dan penganalisa dalam membincangkan isu ini. Golongan ini juga merupakan golongan pemimpin pendapat yang dapat digunakan untuk menyebarkan maklumat dan biasanya lebih diyakini kerana hubungan langsung (face-to-face communication) antara mereka dan golongan dibawahnya. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam analisis pada Jadual 4a di halaman 7, sumber berita kumpulan akademik lebih banyak bercakap soal penyelesaian sengketa secara diplomasi. Dalam perspektif yang lain, pendapat golongan ini bersama-sama dengan sumber berita kerajaan Indonesia sebagai bahan kerajaan Malaysia kepada rakyatnya sendiri dan juga rakyat Indonesia di Malaysia bahawa masih ada golongan yang cintakan kedamaian berkekalan di Indonesia antara dua negara tetangga ini.

Strategi keempat yang boleh dipertimbangkan sekiranya wujud lagi sengketa seumpama ini ialah dengan menjalankan hubungan media yang baik dengan kelompok media yang dilihat lebih rasional dalam pelaporan berita kes ambalat ini. Media seperti *The Jakarta Post*, *Republika* dan *Antara* sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3 & 3a mewakili kelompok media yang boleh dipercayai untuk membawa bersamanya mesej dari Kerajaan Malaysia yang senada dengan mesej kerajaannya.

Kesimpulan

Kertas kerja ini merupakan satu kajian bersifat penerokaan awal. Masih banyak persoalan-persoalan yang boleh dibincangkan, antaranya nanti ialah berkenaan mencari agenda lain di sebalik usaha media Indonesia mensensasikan kes perebutan blok ambalat timur itu. Namun, dalam konteks yang lebih besar dan sebagai persediaan untuk masa hadapan bolehlah diandaikan berdasarkan penemuan kajian ini bahawa akan wujud sekurang-kurangnya 2 kelompok media sama ada yang menentang atau berkecuali atau menyokong satu pihak lagi. Maka dalam konteks ini bolehlah digunakan media yang berkecuali atau menyokong untuk membantu strategi-strategi perhubungan awam.

Mengenai Penulis

Mr Lai Che Ching @ Abd.Latif and Mr Lee Kuok Tiung are lecturers at Communication Program, School of Social Science, Universiti Malaysia Sabah.

For further enquiries, please e-mail: latif_lai@hotmail.com or lee@ums.edu.my

Rujukan

- Che Mahzan Ahmad (2003), dlm Mohd. Yusof Hussain (2003), *Mass Media in Selected Muslim Countries*, Kuala Lumpur: Research Centre, IIUM.
- Chang, W.H. (1989) *Mass Media in China: The History and the Future*. Ames: Iowa State University Press
- Dickson, S.H., C.L. Hill and C.M. Pilson (1995), A Forum for debate: *New York Time's coverage of Two Foreign Crises*', *International Communication Bulletin* 30(3-4): 14 – 18
- Edelman, M. (1993), Contestable categories and Public Opinion, *Political Communication* 10:231-42
- Elizabeth Goenawan Ananto (2004), dlm Krishnamurthy Sriramesh (2004), *Public Relations in Asia An Anthology*, Singapore: Thomson Learning
- Henry, W.A., III (1981), News as Entertainment: The Search for Dramatic Unity, dlm E.Abel, *What's News: The Media in American Society*. San Francisco, CA: Institute for Contemporary Studies.
- Ishadi, S.K. (2002), Perlawanan Jurnalis TV Makin Meningkat. *Suara Pembaruan*, September 29.
- J. Yang (2003), Framing The Nato Air Strikes On Kosovo Across Countries: Comparison of Chinese and US newspaper Coverage, *Gazette: The International Journal for Communication Studies*, Vol.65(3):231-249
- Ishadi, S.K. (2002), Perlawanan Jurnalis TV Makin Meningkat. *Suara Pembaruan*, September 29.
- Lee, C.-C. and J.Yang (1995), Foreign News and National Interest: Comparing U.S and Japanese Coverage of a Chinese Student Movement, *Gazette: The International Journal for Communication Studies*, Vol. 56: 1 – 18
- Nye, J.S.,Jr (1999) Redefining the National Interest, *Foreign Affairs* 78(4): 22-35
- Rachlin, A. (1988) *News as Hegemonic Reality: American Political Culture and The Framing of News Accounts*. New York: Praeger
- Scheufele, D.A. (1999) Framing as a Theory of Media Effects, *Journal of Communication* 49(1):102-22
- Shoemaker, P.J. & S.D.Reese (1996) *Mediating the Message: Theories of Influences on Mass Media Content*. White Plains, New York: Longman
- Tuchman, G. (1978) *Making the News*. New York: Free Press